

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Jumaat, 10 September 2021



KENYATAAN MEDIA

INDEKS PENGELUARAN PERINDUSTRIAN, MALAYSIA

JULAI 2021

**Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) Malaysia merosot 5.2 peratus pada
Julai 2021, kejatuhan pertama semenjak November 2020**

PUTRAJAYA, 10 SEPTEMBER 2021 – Jabatan Perangkaan Malaysia menerbitkan **INDEKS PENGELUARAN PERINDUSTRIAN (IPP), MALAYSIA, JULAI 2021** pada hari ini. Penerbitan ini memaparkan statistik IPP yang terdiri daripada tiga sektor utama; Perlombongan, Pembuatan dan Elektrik.


Mengulas terhadap laporan tersebut, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, "Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) merosot **5.2 peratus** pada bulan Julai 2021 berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya. Kejatuhan IPP ini disumbangkan oleh penyusutan dalam indeks Pembuatan (**-6.5%**) dan indeks Elektrik (**-6.6%**). Sementara itu, indeks Perlombongan merekodkan kenaikan **0.6 peratus**."

Output sektor Pembuatan berdasarkan perbandingan tahun ke tahun menurun **6.5 peratus** pada bulan Julai 2021 selepas mencatatkan kejatuhan 0.2 peratus pada bulan Jun 2021. Subsektor yang mempengaruhi kemerosotan dalam sektor Pembuatan pada Julai 2021 adalah Kelengkapan Pengangkutan & Pembuatan Lain (**-43.8%**), Produk Mineral Bukan Logam, Logam Asas & Produk Logam yang Direka (**-27.6%**) dan Produk Kayu, Perabot, Keluaran Kertas & Percetakan (**-23.7%**). Industri berorientasikan domestik menyusut **24.7 peratus** manakala industri berorientasikan eksport tumbuh sebanyak **1.9 peratus**.

Output sektor Perlombongan tumbuh **0.6 peratus** pada bulan Julai 2021 berbanding tempoh yang sama pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan tersebut dipacu oleh peningkatan **4.1 peratus** dalam indeks Gas Asli. Sementara itu indeks Minyak Mentah & Kondensat berkurang **3.6 peratus**. Output sektor Elektrik merosot **6.6 peratus** pada bulan Julai 2021 berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya.

Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) secara dalam talian (e-Census) sedang dilaksanakan di seluruh negara sehingga liputan penuh dapat dicapai. Semua penduduk Malaysia diseru untuk memberikan kerjasama dalam menjayakan Banci Malaysia 2020 bagi memastikan tiada yang ketinggalan kerana data anda masa depan kita. Sila layari portal Banci Malaysia 2020 di www.mycensus.gov.my atau media sosial @MyCensus2020 untuk maklumat lanjut.

CARTA 1 : PRESTASI INDEKS PENGELUARAN PERINDUSTRIAN JULAI 2021



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA
10 SEPTEMBER 2021

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Friday, 10 September 2021



MEDIA STATEMENT
INDEX OF INDUSTRIAL PRODUCTION, MALAYSIA
JULY 2021

Malaysia's Industrial Production Index (IPI) deteriorated 5.2 per cent in July 2021, the first decline since November 2020

PUTRAJAYA, 10 SEPTEMBER 2021 – The Department of Statistics Malaysia, today released **INDUSTRIAL PRODUCTION INDEX (IPI), MALAYSIA, JULY 2021**. This publication presents statistics on IPI which consists of three main sectors; Mining, Manufacturing and Electricity.


Commenting on the report, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician Malaysia, said "The Industrial Production Index (IPI) declined **5.2 per cent** in July 2021 as compared to the same month of the previous year. The fall of IPI was influenced by the decrease in Manufacturing index (**-6.5%**) and Electricity index (**-6.6%**). Meanwhile, Mining index recorded an increase of **0.6 per cent**."

The Manufacturing sector output based on year-on-year comparison decreased by **6.5 per cent** in July 2021 after recording a downturn of 0.2 per cent in June 2021. The main subsectors contributed to the downturn in Manufacturing sector in July 2021 were Transport Equipment & Other Manufactures (**-43.8%**), Non-metallic Mineral Products, Basic Metal & Fabricated Metal Products (**-27.6%**) and Wood Products, Furniture, Paper Products & Printing (**-23.7%**). Domestic-oriented industries shrank **24.7 per cent** while export-oriented industries grew by **1.9 per cent**.

The Mining sector output augmented **0.6 per cent** in July 2021 as compared to the same period of the previous year. The growth was driven by the increase of **4.1 per cent** in Natural Gas index. Meanwhile, Crude Oil & Condensate index dropped by **3.6 per cent**. The Electricity sector output contracted **6.6 per cent** in July 2021 as compared to the same month of the previous year.

The Malaysia Population and Housing Census 2020 (Malaysia Census 2020) via online (e-Census) is being conducted nationwide until full coverage has been accomplished. All Malaysian residents are urged to cooperate in realising the success of Malaysia Census 2020 to ensure that no one is left behind as your data is our future. Please visit the Malaysia Census 2020 portal at www.mycensus.gov.my or social media @MyCensus2020 for more info.

CHART 1 : PERFORMANCE OF INDUSTRIAL PRODUCTION INDEX JULY 2021



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
10 SEPTEMBER 2021